



SIARAN MEDIA

PROGRAM PRESTIGE TINGKATKAN KEUPAYAAN PKS DALAM SEKTOR AEROANGKASA

Selangor, 26 April 2021 – Program Peningkatan Industri Strategik dan PKS Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) : *Aerospace Manufacturing Initiative* (AMI) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya SME Corp. Malaysia dikenalpasti dapat membangun dan meningkatkan keupayaan PKS berpertumbuhan tinggi di dalam sektor aeroangkasa selaras Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2020-2030).

Program PRESTIGE menyasarkan tiga(3) objektif strategik, iaitu menambah bilangan PKS berpertumbuhan tinggi dan inovatif di dalam industri aeroangkasa, meningkatkan produktiviti dan kualiti produk PKS di dalam industri aeroangkasa dan meluaskan penglibatan PKS tempatan di dalam rantai bekalan aeroangkasa di peringkat global. Melalui pendekatan holistik, program ini dapat meningkatkan kemampuan dan keupayaan PKS melalui adaptasi teknologi, sistem pengurusan kualiti dan peningkatan akses ke pasaran.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam ucapan beliau berkata, “Sehingga kini, sebanyak tiga puluh (30) PKS telah mengikuti program ini sejak tahun 2017. Program ini dilihat dapat memberikan impak yang positif, dengan jumlah jualan kumulatif PKS yang terlibat di dalam program ini sebanyak RM69.9 juta pada tahun 2019 dengan purata pertumbuhan pada kadar 23.9 peratus. Di samping itu, PKS ini juga telah berjaya memperolehi persijilan sistem pengurusan kualiti (QMS) yang diperlukan di dalam industri aeroangkasa, seperti persijilan AS9100 dan NADCAP bagi memenuhi syarat untuk menjadi pengeluar komponen aeroangkasa global.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan premis baharu Syarikat Kaizan Aero Manufacturing Sdn. Bhd. (KAMSB) di Puchong, Selangor. Syarikat KAMSB merupakan salah satu PKS yang dibimbing di bawah *Program PRESTIGE: Aerospace Manufacturing Initiative (AMI)* yang terlibat di dalam pembuatan komponen aeroangkasa. Syarikat mengeluarkan produk *galley refrigeration system* dan *tubing fabrication* bagi pesawat komersil.

Melalui inisiatif di bawah program ini, syarikat telah berjaya mendapat persijilan NADCAP dan AS9100 Revision D yang merupakan sistem pengurusan kualiti mengikut piawaian antarabangsa, meningkatkan keupayaan produktiviti di dalam pengeluaran dengan penambahan adaptasi teknologi, meningkatkan keupayaan kapasiti pengeluaran dengan purata peningkatan sebanyak 120 peratus dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Jumlah pekerja syarikat juga telah meningkat dari 9 orang pekerja pada 2018 kepada 24 orang pekerja pada tahun 2020 termasuk 7 graduan kejuruteraan dan teknikal tempatan.

Majlis pelancaran pada hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha, Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Encik Lee Jack Son, Pengarah Kaizan Aero Manufacturing Sdn Bhd.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Aminuddin Mohamed dan Puan Shuhaidah Mohd Shariff di talian 03-2775 6191 dan 6068 atau emel – aminuddin@smecorp.gov.my dan shuhaidah@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.